

Latihan karangan 6 :

Setiap orang mempunyai kawan baik. Ceritakan mengenai kawan baik anda.

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang sesuai.

<i>mesra</i>	<i>nasihat</i>	<i>meja</i>	<i>rapat</i>	<i>baik hati</i>
<i>pokok</i>	<i>Sarah</i>	<i>rehat</i>	<i>matematik</i>	<i>persahabatan</i>

Saya mempunyai seorang kawan baik bernama _____ (1). Dia belajar di sekolah yang sama dan kami berada dalam kelas yang sama sejak tahun satu. Dia seorang yang _____ (2) dan rajin membantu orang lain.

Setiap hari, kami akan datang ke sekolah bersama dan duduk di _____ (3) yang sama. Kami suka belajar mata pelajaran _____ (4) kerana cikgu kami sangat menyeronokkan.

Kawan baik saya seorang yang _____ (5). Dia selalu membantu saya apabila saya tidak faham soalan dan memberi _____ (6) semasa belajar.

Selain itu, kami juga suka bermain bersama ketika waktu _____ (7). Kami bermain bola, berlari dan kadang-kadang membaca buku di bawah _____ (8).

Saya bersyukur mempunyai kawan seperti dia. Kami akan terus berkawan dan menjaga _____ (9) kami agar kekal _____ (10) selamanya.